

No. Soalan:157  
PR-1322-L61670

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG**  
**[ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014**

**SOALAN :** **TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam sambutan lawatan 3 hari Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama ke Malaysia dan status kesahihan undang-undang pemeteraihan Memorandum Persefahaman (MoU) yang disaksikan oleh beliau dan Perdana Menteri pada bulan April yang lepas. Apakah rancangan susulan Kerajaan selepas lawatan tersebut.

## **JAWAPAN**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Segambut atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Secara keseluruhannya lawatan Presiden Barack Obama ke Malaysia adalah satu lawatan yang berjaya, produktif dan telah membawa hasil positif. Untuk makluman Yang Berhormat, lawatan Presiden Barack Obama ke Malaysia adalah satu lawatan yang telah diberi status Lawatan Negara. Sesuai dengan status berkenaan, Presiden Obama telah diberi status Tetamu Negara dan sebagai tetamu negara, Presiden Obama telah membuat pemeriksaan ke atas Barisan Keselamatan (*Inspection of Guard of Honour*) semasa ketibaan dan menerima Majlis Sambutan Rasmi Negara di Parlimen.
3. Presiden Obama juga telah menghadiri Majlis Mengadap SPB Yang Di-Pertuan Agong serta Majlis Jamuan Negara. Sambutan negara yang diberikan terhadap Presiden Obama adalah merupakan amalan Kerajaan yang biasa diberikan kepada mana-mana Pemimpin Negara yang mendapat status Tetamu Negara.
4. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) dipertanggungjawabkan untuk menyemak memorandum persefahaman (MoU) antara entiti perniagaan yang disaksikan oleh pembesar negara. Semasa lawatan Presiden Obama, beliau bersama dengan YAB Perdana Menteri telah menyaksikan tiga pemeterian memorandum persefahaman (MoU) di antara Sime Darby Bhd.

dengan syarikat Verdezyne Inc., Air Asia dengan syarikat General Electric serta syarikat MetLife dengan AmLife dan AmTakaful.

5. MoU-MoU ini adalah merupakan memorandum persefahaman antara kumpulan perniagaan (*business to business*) untuk bekerjasama dalam bidang perniagaan masing-masing. Ianya tidak melibatkan obligasi dari pihak Kerajaan. Bagaimanapun, pelaksanaan MoU-MoU tersebut kelak akan menyumbang kepada pengukuhan kerjasama ekonomi di antara kedua-dua negara.

6. Kerajaan akan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya bagi melaksanakan persetujuan-persetujuan yang telah dicapai semasa Lawatan tersebut termasuk mengenai *Visa Waiver Program*, *Fullbright English Teaching Assistants* (ETA), dan *Proliferation Security Initiative* (PSI).

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 158**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014**

**RUJUKAN :**

**SOALAN : 6870**

**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang disiasat, ditahan, ditangkap dan didakwa di bawah Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 sejak ianya diberkuatkuasakan mulai 2 April 2014. Adakah mereka yang berlatarbelakangkan politik juga turut disiasat di bawah Akta ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Sejak Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 ini berkuatkuasa mulai 2 April 2014, seramai 132 orang telah ditahan. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci tentang siasatan yang dijalankan kerana ia dikhuatiri akan mengganggu proses siasatan pihak Polis. Sekiranya mereka yang berlatarbelakangkan politik turut terlibat di dalam jenayah berat dan jenayah terancang ini, mereka juga turut tidak terkecuali daripada diambil tindakan dibawah Akta ini.**